KIT histeria yang berjaya dibangunkan hasil kerjasama UMP dan Pusat Rawatan Islam Al-Manarah kini sedia untuk dipasarkan.

DEMONSTRASI semburan untuk menangani histeria.

Tangani histeria

Penyelidik UMP dan Pusat Rawatan Islam Al-Manarah bekerjasama hasil kit bantu rawatan

Oleh LAUPA JUNUS

TERDAPAT 14 kejadian melibatkan pelajar bersikap agresif melampau dengan terjun ke sungai seperti yang berlaku di sebuah sekolah di Langgar, Kedah. Dalam kes lain di Temerloh, pelajar terjun dari tingkat satu tanpa melibatkan sebarang kecederaan.

Sekitar tahun 2011, dilaporkan pelajar di sebuah sekolah di Bandar Baru Bangi, Selangor ternampak makhluk mengerikan di sekitar kawasan sekolah.

Demikian antara kes yang pernah dilaporkan seperti yang dikongsi oleh pengkaji histeria dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) Dr. Mahyuddin Ismail.

"Melalui tinjauan rambang pada 2012, terdapat lima peratus kejadian histeria berlaku di sekolah rendah, manakala 65 peratus di sekolah menengah di Pahang," kata beliau.

Sebelum ini, rawatan histeria menggunakan kaedah kaunseling, tetapi tidak begitu berjaya kerana masalah tekanan.

Malah dalam satu kejadian di Sungai Baging, Kuantan, Pahang ketika berlaku histeria, terdapat ibu bapa membawa bomoh yang menggunakan mayang kelapa dan kemenyan ke sekolah tersebut.

Dalam pada itu, terdapat juga perawat yang mengambil langkah diplomasi termasuk 'berdialog' dengan jin dan membuat 'perjanjian' dengan makhluk tersebut supaya tidak mengganggu dalam tempoh tertentu sekiranya diberi makanan kepadanya.

Histeria merupakan satu penyakit yang sering dikaitkan dengan gangguan makhluk halus.

Betulkah kenyataan itu? Maklumat internet menyebut histeria merupakan suatu keadaan minda seperti ketakutan emosi yang tidak terkawal.

Ketakutan tersebut selalunya disebabkan oleh beberapa kejadian yang dilalui oleh seseorang yang melibatkan konflik yang teruk. Mereka yang mengalami histeria sering kehilangan kawalan akibat ketakutan yang teramat sangat. Benarkah begitu?

Ada banyak tanggapan, mengapa dan bagaimana histeria boleh berlaku dan kajian mengenainya telah dibuat.

Menurut Dr. Mahyuddin, masalah berkaitan histeria telah dibincangkan sejak kurun ke-17 lagi.

DR. MAHYUDDIN menunjukkan demonstrasi memasang penyepit kayu.

"Histeria itu sendiri berasal dari perkataan Yunani yang bermaksud rahim perempuan sebagaimana yang pernah disebut oleh Bapa Perubatan kuno, Hippocrates," katanya.

Sementara itu menurut Dr. Mahyuddin, beliau terlibat dengan penyelidikan mengenai histeria ekoran daripada pembahitannya dalam kajian ilmu perubatan Islam khususnya berkaitan rawatan sihir sejak 2002.

Beliau berkata, idea menjalankan penyelidikan bermula sejak tahun 2008 apabila banyak sekolah terutama di Pahang dilanda fenomena histeria.

"Kami mula mencari kaedah yang paling mudah untuk menangani gangguan histeria dengan melihat dan mengkaji pelbagai kaedah dan bahan rawatan yang digunakan oleh pusat-pusat rawatan Islam dan tradisional.

"Apabila meneliti kaedah yang digunakan di Pusat Rawatan Islam Al-Manarah, maka saya berasa lebih sesuai dan boleh dibuktikan secara saintifik," katanya.

Menurut beliau, kaedah dan bahan tersebut diselarikan dengan teori yang diambil daripada nas-nas al-Quran dan hadis.

Mengburaikan lebih lanjut beliau berkata, apabila histeria berlaku, orang di sekeliling pesakit biasanya akan mudah panik.

Oleh itu beliau mencadangkan beberapa langkah awal yang perlu diambil oleh pihak terlibat terutama pihak sekolah.

Antaranya mewujudkan satu pasukan bertindak yang mempunyai beberapa individu dengan peranan masing-masing.

Cara tersebut kata beliau telah dipraktikkan oleh Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paya Pulai, Temerloh, Pahang dan ternyata dapat memendekkan tempoh pemulihan daripada tiga jam kepada 30 minit sahaja.

Dalam aspek rawatan semasa kejadian, beliau memperkenalkan tiga langkah mudah iaitu A (Analisis), B (Bertindak) dan C (Cegah).

Apabila berlaku histeria, perkara yang mula-mula perlu dilakukan ialah menganalisis puncanya (A).

Beliau berkata, sekiranya hasil analisis punca berlakunya histeria dapat dilakukan dengan tepat, ia akan mudahlah untuk mengambil langkah seterusnya iaitu Bertindak (B).

Sebagai contoh, sekiranya didapati puncanya bermula dari kawasan sekolah, maka perlu dikenal pasti di mana ia bermula. Kebiasaannya mangsa histeria nampak istana atau rumah besar di sekitar kawasan sekolah.

Jadi, kawasan itu akan disembur dengan asid formik. Jika punca utama dapat ditangani, maka Insya-Allah mangsa histeria akan pulih.

Sekiranya punca berasal dari luar, maka mangsa yang mengalami histeria perlu dipulihkan. Sekiranya mangsa bertindak agresif dan sukar untuk dikawal, maka bahan yang digunakan ialah semburan lada (*pepper spray*).

Sekiranya mangsa pasif, bahan yang akan digunakan ialah *ammonia inhalant*.

Penggunaan alat-alat dan bahan yang disebutkan itu memerlukan latihan dan tunjuk ajar daripada mereka yang terlatih. Oleh itu, kit ini didatangkan bersama pakej latihan oleh pakar.

Langkah terakhir ialah Cegah. Melalui langkah ini, pihak sekolah perlu mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan kejadian tersebut daripada berulang.

Berkongsi lebih lanjut, Dr. Mahyuddin berkata, projek penyelidikan tersebut adalah usaha untuk membantu masyarakat untuk menangani kes histeria yang sering melanda di sekolah dan institusi pengajian.

"Oleh kerana isu ini melibatkan sesuatu yang bersifat metafizik, maka penggunaan kaedah dan bahan yang bersifat berasaskan bukti (*evidence based*) dan berkesan perlu dibangunkan dalam satu kit," katanya yang menjalankan penyelidikan tersebut bermula Julai 2012 dan tamat pada Julai 2013.

Kit tersebut telah menjalani ujian di beberapa buah sekolah dan ternyata berhasil menangani kejadian histeria dengan lebih cepat.

DR. Mahyuddin Ismail bersama kit rawatan histeria di Gambang, Kuantan, Pahang.

Kit bantu elak amalan khurafat

KEJAYAAN menghasilkan kit antihisteria adalah hasil kajian dan pemerhatian yang dijalankan terhadap bahan-bahan yang digunakan, sebelum formula mudah untuk mengatasi masalah kesakitan dan histeria dihasilkan.

"Matlamat kami hanya satu, iaitu agar masyarakat tidak memilih kaedah dan individu yang salah untuk mengatasi gangguan histeria," kata Dr. Mahyuddin Ismail yang juga Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan, Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Melalui kajian yang dijalankan, terdapat kes-kes histeria bertambah kronik akibat pengamal perubatan tradisional yang menggunakan kaedah-kaedah yang bertentangan syariat seperti memberi makan kepada jin melalui ancak dan sebagainya.

Sementara itu, Dr. Mahyuddin berkata, pihaknya bercadang untuk mempromosikan kit antihisteria itu ke seluruh pusat pembelajaran sama ada di sekolah, politeknik, institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta serta kemkem yang menempatkan penginapan pelajar bagi kursus tertentu.

Melalui penggunaan kit tersebut, sekurang-kurangnya dapat menyelamatkan masyarakat daripada terlebih dalam amalan khurafat dan tipu daya syaitan.

"Kami juga berhasrat menghasilkan kit seumpama ini untuk kegunaan domestik bagi menangani kes-kes kerasukan di rumah," ujarnya.

Setakat ini, pihaknya dalam proses menetapkan harga, mungkin antara RM 2,000 dan RM 3,000 seunit. Harga tersebut merangkumi pakej unit kit, latihan penggunaan dan juga khidmat pakar yang akan turun sendiri ke lokasi sekiranya kes tersebut kronik dan tidak mampu di atasi.

Khidmat sebegini disediakan di seluruh negara.

Sehingga kini, ada beberapa pihak yang berminat untuk mendapatkan kit tersebut

Dalam pada itu, beliau menaruh harapan agar bidang perubatan Islam dapat dikembang dan diselarikan dengan perubatan berasaskan bukti (*evidence-based*).

Ini kerana, pihaknya mendapati apa yang terdapat dalam Islam memang cukup lengkap untuk diguna pakai bagi mengatasi penyakit fizikal, mental dan spiritual.

Masalahnya ialah sebahagian pengamal ini masih terikut-ikut dengan cara lama dan terpengaruh dengan unsur-unsur metafizik.

Justeru, beliau akan menumpukan kajiannya selepas ini untuk membangun dan memartabatkan sistem perubatan Islam.

Dalam perkembangan lain, Dr. Mahyuddin memaklumkan bahawa UMP mengetuai sekumpulan kira-kira 35 pakar dalam pelbagai bidang untuk melakukan kajian lanjut tentang undang-undang sihir bagi memastikan amalan tersebut dapat disekat.

■ **Penggunaan kit dalam gambar hanyalah demonstrasi sahaja dan tidak melibatkan pesakit sebenar**

Kandungan kit

- Kayu penyepit- berbentuk pen atau pensel kayu yang dimasukkan ke celah jari kaki kanan mangsa.
- Kes agresif- Gunakan semburan pedas. Terdapat beberapa kes mangsa histeria minta sediakan ayam yang dimasak tawar, jangan pedas. Makhluk halus tidak suka bahan berunsur pedas, masam, masin seperti limau nipis ,cuka dan garam dan lada.
- Ammonia inhalant yang biasanya digunakan bagi pemain yang mengalami pitam dan pengsan. Bahan ini diimport dari Amerika Syarikat. Letakan pada hidung akan sedar.
- Asid formik atau juga dikenali sebagai cuka getah untuk tempat yang 'keras'. Disembur pada tempat yang disyaki menjadi kediaman makhluk yang mengganggu pelajar.